



28 Disember 2012  
28 December 2012  
P.U. (A) 474

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN  
PERKHIDMATAN 2012

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

BAHAGIAN 1

NOTA KONTRAK DAN PENYIMPANAN REKOD

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Bahagian ini—

“akaun sekuriti” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*];

“hari pasaran” ertinya hari bursa saham atau bursa derivatif dibuka untuk dagangan;

“transaksi” ertinya mana-mana transaksi untuk menjual atau membeli sekuriti yang dibuat oleh seseorang pemegang lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan sebagai prinsipal atau bagi pihak orang lain;

(2) Suatu sebutan dalam Bahagian ini kepada suatu pemegang lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan yang berniaga dalam sekuriti atau membuat sesuatu transaksi sebagai prinsipal termasuklah sebutan kepada seseorang yang—

- (a) berniaga dalam sekuriti atau membuat sesuatu transaksi bagi pihak orang yang bersekutu dengannya;
- (b) berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu pertubuhan perbadanan yang ia mempunyai suatu kepentingan mengawal; atau
- (c) menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu pertubuhan perbadanan yang kepentingannya dan kepentingan pengarahnya menjadi suatu kepentingan mengawal.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), seseorang tidak bersekutu dengan mana-mana orang lain hanya disebabkan orang itu ialah pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang orang yang satu lagi itu ialah juga pengarah, sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan tersebut menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.

**Nota kontrak yang dikeluarkan oleh seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif terselaras**

3. (1) Seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif terselaras hendaklah, tidak lewat daripada berakhirnya hari pasaran berikutnya selepas transaksi yang berhubungan dengan urusan berniaga dalam derivatif terselaras itu dibuat, memberikan suatu nota kontrak yang mematuhi peraturan ini kepada kliennya berkenaan dengan transaksi itu.

(2) Bagi maksud mematuhi peraturan ini, nota kontrak berkenaan dengan sesuatu transaksi yang berhubungan dengan derivatif terselaras hendaklah termasuk maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat tempat urusan utama pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu;
- (b) nama dan alamat klien itu;

- (c) suatu perihalan mengenai derivatif terselaras itu yang mencukupi untuk mengenal pasti sifat transaksi itu, termasuk—

  - (i) suatu perihalan mengenai instrumen dasar;
  - (ii) suatu perihalan keadaan yang menjadi subjek derivatif terselaras itu;
  - (iii) dalam hal suatu kontrak hadapan atau kontrak niaga hadapan, bulan dan tahun pelaksanaan atau penyelesaian kontrak hadapan atau kontrak niaga hadapan itu; dan
  - (iv) dalam hal suatu opsiyen,

    - (A) harga atau nilai instrumen dasar atau tahap berangka keadaan yang menjadi subjek opsiyen itu yang padanya pembeli opsiyen itu boleh menjalankan opsiyen itu; dan
    - (B) sama ada opsiyen itu ialah opsiyen panggilan atau opsiyen jual;
- (d) nama bursa derivatif yang pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu ialah suatu gabungan;
- (e) deposit yang telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan transaksi itu;
- (f) harga yang transaksi itu dibuat oleh pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu;
- (g) tarikh transaksi itu;

- (h) dalam hal suatu opsyen, tarikh sebelum atau tarikh yang pembeli opsyen itu, bagi menjalankan opsyen itu, hendaklah mengisytiharkan niat untuk menjalankan opsyen itu;
- (i) sama ada transaksi itu—

  - (i) adalah untuk membeli derivatif terselaras;
  - (ii) adalah untuk menjual derivatif terselaras;
  - (iii) dalam hal suatu opsyen, adalah untuk menjalankan opsyen itu; atau
  - (iv) terdiri daripada gabungan perbuatan yang disebut dalam subperenggan (i),(ii) atau (iii);
- (j) kuantiti atau bilangan derivatif terselaras itu;
- (k) sama ada atau tidak transaksi adalah dagangan penyelesaian;
- (l) nama, atau apa-apa jenis pengenalpastian identiti lain bagi wakil pemegang lesen itu yang mengendalikan akaun klien itu;
- (m) nombor akaun klien itu;
- (n) pernyataan yang menyatakan bahawa transaksi dalam nota kontrak yang telah dikeluarkan itu hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah bursa derivatif yang berkaitan;
- (o) nombor rujukan nota kontrak itu; dan
- (p) kadar dan amaun komisen, levi, duti, dan fi dan cukai lain yang kena dibayar berkenaan dengan transaksi itu.